

DATE: 25/02/2008

Mukhriz sebak sokongan bapa

JITRA 24 Feb. - Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir sebak apabila melihat bapanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad sanggup 'bermandi peluh' berdiri bersama penyokong Barisan Nasional (BN) untuk memberikan sokongan kepadanya di Pusat Penamaan Calon Parlimen Jerlun di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam di sini hari ini.

"Saya rasa cukup bangga. Ini kali pertama saya bertanding dan dia (Dr. Mahathir) tengok anaknya sendiri bertanding.

"Dulu saya ikut dia, kali ini dia pula yang turun padang melihat saya bertanding dan memberi sokongan," kata Mukhriz kepada pemberita ketika ditanya tentang kehadiran Dr. Mahathir di pusat berkenaan.

Dr. Mahathir tiba seawal pukul 9 pagi di pusat berkenaan menunggu ketibaan Mukhriz yang diarak kira-kira 1,000 penyokong BN. Selepas Mukhriz menyerahkan borang penamaan calon, Dr. Mahathir keluar dari kawasan sekolah tersebut dan kembali sejam kemudian.

Mukhriz yang juga Exco Pergerakan Pemuda UMNO akan menentang calon Pas, Idris Ahmad dalam pertandingan satu lawan satu bagi kerusi Parlimen Jerlun.

Bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN)

Um- 25/2/2008
Ayer Hitam, Datuk Othman Aziz akan menentang calon Pas, Abdul Ghani Ahmad manakala DUN Kota Siputeh menyaksikan calon BN, Datuk Abu Hassan Sharif menghadapi Ismail Wan Teh daripada Pas.

Sebaik diisytiharkan sebagai calon BN di kawasan berkenaan oleh Pengurus Pilihan Raya Parlimen Jerlun, Md. Zuki Siru, Mukhriz terus mendapatkan Dr. Mahathir dan memeluknya.

Ditanya tentang nasihat Dr. Mahathir supaya beliau memberi perhatian kepada Parlimen Jerlun, Mukhriz berkata, beliau sentiasa menghormati dan menuruti nasihat bapanya itu.

"Sebelum ini (sebelum pembubaran Parlimen), saya telah lama memberikan khidmat kepada masyarakat menerusi NGO (pertubuhan bukan kerajaan) dan Pergerakan Pemuda UMNO," kata beliau.

Kata Mukhriz, apa yang penting sekarang adalah memberi tumpuan bagi memastikan kemajuan dapat dilaksanakan di kawasan Parlimen Jerlun.

Mengenai ibu beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, beliau berkata, ibunya tidak dapat hadir kerana mengalami sakit di bahagian belakang badan.

"Tetapi dia (ibu) telah memberi pesanan supaya saya banyak bersabar," katanya.



DR. Mahathir Mohamad turut memberi sokongan kepada anaknya, Mukhriz yang bertanding bagi kerusi Parlimen Jerlun pada hari penamaan calon di Ayer Hitam, Jerlun, Kedah, semalam.